

08/09/1999

PM minta peneroka bersyukur

Shariffudin Mohamed; Rosli Abdul Jalil; Wan Kemat
BANDAR JENGA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan golongan peneroka di negara ini supaya bersyukur terhadap apa yang mereka nikmati hari ini dengan memberi sokongan berterusan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, sokongan yang diberikan kepada BN setiap masa akan menjamin masa depan cerah, sebagaimana dibuktikan melalui hasil pembangunan negara sejak 42 tahun lalu.

"Kerajaan boleh membangunkan negara kerana rakyat memberi sokongan penuh kepada kerajaan.

"Malangnya, ada pihak yang tidak bersyukur dan melemparkan fitnah kononnya kerajaan tidak membantu rakyat dengan niat menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan.

"Mereka berkempen dengan memaki hamun kerajaan supaya rakyat marah kepada kerajaan dan lupa kepada apa yang mereka nikmati hari ini," katanya di majlis perjumpaan bersama rakyat di Stadium Mini Nadi Kota, di sini hari ini.

Perhimpunan itu disertai kira-kira 50,000 orang, kebanyakannya masyarakat peneroka rancangan Felda di negeri ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Adnan Yaakob; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Dr Mahathir kesal dengan tindakan parti pembangkang masuk ke Felda untuk menghasut peneroka supaya membenci kerajaan, manakala anak peneroka yang belajar di universiti mempengaruhi ibu bapa mereka supaya tidak mengundi BN, akibat dihasut parti pembangkang itu.

"Anak peneroka itu hanya ikut-ikutan saja dan tidak bersyukur kerana mereka dapat masuk universiti dan menerima biasiswa daripada kerajaan," katanya.

Beliau turut menyifatkan anak peneroka yang berjaya mendapat biasiswa kerajaan dan bekerja dengan kerajaan sebagai tidak mengenang budi kerana perbuatan itu diibaratkan 'menggigit tangan yang menolong mereka.'

Katanya, parti pembangkang seperti DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Pas, sebenarnya hanya mahukan undi dalam pilihan raya, tetapi bukan berkhidmat kepada rakyat.

Perdana Menteri berkata, di sebalik kejayaan rancangan Felda, kerajaan tidak dapat membuka lebih banyak rancangan tanah seperti itu disebabkan kekurangan tanah dan pertambahan jumlah penduduk.

"Bagaimanapun, kerajaan BN sentiasa memikirkan penderitaan rakyat dan oleh itu, kita memutuskan untuk menjadi negara industri yang mengeluarkan pelbagai barangan.

"Sebidang tanah seluas satu ekar (0.4 hektar) tidak cukup untuk seorang peneroka, tetapi tanah yang sama luasnya apabila didirikan kilang dapat memberi peluang pekerjaan kepada 500 hingga 1,000 orang.

"Sehingga sekarang, ramai orang kita yang bekerja di kilang daripada menjadi petani dan nelayan," katanya.

Dr Mahathir juga berbangga dengan pencapaian pembangunan negara yang dianggapnya luar biasa berbanding negara membangun lain.

"Pembangunan negara berkenaan tidak sebaik kita kerana kita tahu ramai daripada rakyat mereka datang ke Malaysia untuk mencari pekerjaan.

"Seramai dua juta rakyat asing dari negara yang merdeka tetapi tidak

menikmati kemajuan datang ke Malaysia. Jika di negara mereka, banyak peluang pekerjaan sudah tentu mereka tidak akan datang ke sini," katanya.

Mengenai kuasa asing, Perdana Menteri berkata kerajaan menolak bantuan luar bagi mengatasi kegawatan ekonomi kerana mereka mengenakan pelbagai syarat, termasuk tidak boleh membantu Bumiputera kerana dikatakan tidak adil.

"Jika kita terima, mereka akan menguasai keadaan dalam negara kita, dasar negara dan menjajah kita semula. Kita perlu ingat kepentingan meletakkan nilai yang tinggi kepada kemerdekaan dan kebebasan negara kita.

"Jangan percaya kerana kita sudah merdeka, kita akan terus merdeka. Ini disebabkan usaha untuk menjajah masih diteruskan oleh penjajah Barat," katanya.

(END)